

BERITA HARIAN 14 OGOS 2013 –SKP-LORONG TAMBAH NILAI KERAP TUTUP

Maklumbalas aduan :

Pihak PLUS memaklumkan bahawa pada masa ini, lorong tambah nilai di Plaza Tol Seremban (lorong masuk ke Kuala Lumpur) beroperasi pada waktu bukan puncak iaitu antara jam 10 pagi hingga 4 petang dan di antara jam 8 malam-10 malam pada hari biasa (Isnin-Jumaat) dan di antara jam 7 pagi hingga 10 malam pada hari minggu/cuti umum. Lorong tambah nilai ini tidak dibuka pada waktu puncak bagi mengelakkan kesesakan trafik di lorong memandangkan jumlah lorong masuk yang terhad di plaza tol berkenaan iaitu hanya 2 lorong untuk ke Kuala Lumpur.

Memandangkan hanya terdapat satu terminal tambah nilai di Plaza Tol Seremban, menyebabkan operasi tambah nilai terpaksa dihentikan dari masa ke semasa bagi proses pertukaran staf serta penyesuaian. Walaubagaimanapun, bagi menambahbaik perkhidmatan tambah nilai sedia ada, pihak PLUS akan memantau dan memastikan lorong tambah nilai ini akan beroperasi dengan cekap bagi kemudahan para pengguna lebuhraya pada masa akan datang.

Oleh :

Lembaga Lebuhraya Malaysia